

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)6

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

6. Beberapa tahun ini, defisit Kerajaan Negeri Pulau Pinang kian meningkat dan terpaksa menggunakan rizab Kerajaan Negeri untuk menampungkan defisit.
- (a) Nyatakan sebab-sebab mengapa defisit Kerajaan Negeri meningkat dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. (a) Sebab-sebab berlaku peningkatan defisit Kerajaan Negeri adalah kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk meningkatkan sumbangan dan bantuan kepada rakyat Pulau Pinang melalui pelaksanaan pelbagai program dan projek prihatin rakyat. Antara program utama adalah seperti berikut:
- (i) Peruntukan Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), Peruntukan Khas, Bantuan Segera, Projek Kecil Masyarakat dan Program Khas/Latihan Khas;

- (ii) Caruman tahunan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sebanyak RM240 juta bagi menampung pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri;
- (iii) Program i-Sejahtera yang merangkumi sumbangan kepada warga emas dan waris, ibu tunggal dan waris, anak emas dan ibu emas melalui semua Pejabat Daerah dan Tanah serta Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM49.80 juta sehingga 30 April 2024. Selain itu, Kerajaan Negeri masih meneruskan bantuan kepada pemandu teksi, operator bas sekolah dan penarik beca yang berdaftar. Dengan mengambil kira komitmen tersebut, Kerajaan Negeri dijangka akan membelanjakan sebanyak hampir RM80 juta pada tahun 2024;
- (iv) Kerajaan Negeri masih meneruskan komitmen memberi geran tahunan kepada Anak-anak Syarikat (GLCs) dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri sebanyak RM98.5 juta

bagi merencanakan pelaksanaan program-program yang memberi faedah yang tidak langsung, iaitu tidak bersifat monetari kepada Kerajaan Negeri;

- (v) Kerajaan Negeri menyediakan elaun-elaun kepada Pegawai-pegawai masjid, Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan Jawatankuasa Pembangunan Belia Pulau Pinang (JBPP) sebanyak RM15.25 juta;
- (vi) Sumbangan tahunan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan Sekolah Mubaligh (Missionary) sebanyak RM15 juta;
- (vii) Peningkatan secara tetap Perbelanjaan Mengurus Jabatan-jabatan Negeri selain daripada Pemberian dan Majlis-majlis Rasmi;
- (viii) Program-program Rasmi Negeri pada nilai purata RM3 juta setahun; dan

- (ix) Bayaran luar jangka seperti Perintah Mahkamah berkaitan tuntutan mantan YB ADUN dan kes-kes tanah yang perlu dijelaskan oleh Kerajaan Negeri yang dianggarkan sekitar RM20 juta bagi tahun 2024.

Menyedari bahawa rizab negeri yang akan digunakan bagi menampung unjuran defisit negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) telah meluluskan Kertas Bilangan 9 Tahun 2024 bertarikh 13 Mac 2024 berhubung 'Strategi Pengurangan Unjuran Defisit Negeri Tahun 2024 dan Penetapan Siling Bajet Negeri Tahun 2025 Berdasarkan Kedudukan Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2023 dan Unjuran Aliran Tunai Negeri Tahun 2024' yang antara lain melibatkan Tindakan-tindakan berikut:

- (i) penjajaran semula Bajet Mengurus Negeri Tahun 2024 daripada RM1.047 bilion kepada RM863.11 juta;
- (ii) memberi keutamaan kepada perbelanjaan berkanun berbanding perbelanjaan tidak berkanun negeri;

- (iii) pelaksanaan sekatan perbelanjaan ke atas Objek Sebagai (OS) tertentu bagi mengoptimumkan langkah-langkah penjimatan;
- (iv) mengutamakan peruntukan Akaun Amanah atau Kumpulan Wang Amanah berbanding Peruntukan Mengurus Negeri bagi Jabatan berkaitan; dan
- (v) melipatgandakan usaha dan inisiatif untuk meningkatkan hasil negeri.